Mesti ada input untuk tarik iklan

PENULIS blog perlu kreatif menghasilkan penulisan bersifat informatif dan mutakhir sekiranya mahu terus menjadikan blog sebagai platform untuk menjana pendapatan.

Ini kerana, kewujudan pelbagai medium sosial baharu memberikan persaingan sengit kepada blogger untuk menarik kepercayaan pengiklan mengiklankan produk dengan mereka.

Pensyarah Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Mohd Faizal Kasmani berkata, berbeza dengan dahulu, blog semakin kurang mendapat perhatian kecuali jika ia benar-benar mempunyai input yang menarik.

"Dulu, kebanyakan blog boleh memberi pendapatan kepada blogger menerusi iklan, namun sekarang ia tidak serancak sebelum ini kerana kehadiran media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*.

"Sebelum ini, kalau blogger tulis cerita yang tidak tepat atau bukan maklumat terkini, orang masih lagi membacanya dan boleh dapat 'hit' yang tinggi sehingga menarik perhatian pengiklan untuk mengiklankan produk mereka dalam blog tersebut. Sekarang tidak boleh lagi buat demikian kalau hendak jana pendapatan dengan blog," katanya.

Menurutnya, blog masih diminati segelintir orang sehingga hari ini terutama mereka yang menjadikan blog sebagai bahan bacaan.

"Saya melihat blog masih lagi relevan untuk terus menjana pendapatan, namun terpaksa berhadapan dengan cabaran kehadiran medium sosial lain," katanya.

MOHD FAIZAL



Penulisan kreatif bersifat informatif dan mutakhir mampu menjadikan blog anda dikunjungi pembaca setiap hari.